

200 pesilat disokong dapat Skim Perangsang

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sudah menyerahkan senarai 20 pesilat kepada Majlis Sukan Negara (MSN), bulan lalu untuk dipertimbangkan menerima Skim Perangsang Kategori B sebanyak \$200 sebulan, lapor **NOOR JAAFAR**. MSIA 2

Pengurus pasukan silat kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata sekalipun jumlah mereka ramai, ia tertakluk kepada MSN menentukan pesilat yang layak.

Katanya, pesilat yang disenaraikan untuk *Projek Gemilang '90* bagi menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia nanti, mungkin dipertimbangkan menerima ganjaran itu.

Kebanyakan yang disenaraikan itu adalah pesilat yang pernah mewakili negara ke Sukan SEA '87 di Jakarta dan Silat Sedunia '87.

Selain itu, kata Haji Shafie, pesilat berwibawa yang sedang mengikuti latihan pusat persediaan Sukan SEA, Ogos ini, turut disenaraikan.

Haji Shafie berkata, daripada 30 pelatih yang menjalani latihan pusat sekarang, hanya 20 akan dikekalkan, termasuk lima pesilat simpanan selepas Jun ini.

Jawatankuasa pemilihan pada mulanya bercadang mengekalkan 15 pesilat bagi menghadapi Sukan SEA nanti, tetapi MSN bersetuju menambah lima pesilat lagi sebagai calon simpanan.

Haji Mohd Shafie yang juga ahli Majlis Tertinggi Pesaka, berkata pihaknya sudah mengenal pasti kemampuan pesilat-pesilat dalam kelas-kelas tertentu.

SILAT/Rekrut Polis

Zakri berehat sementara

B. Harian (M)

- 1 MAR 1989

JUARA silat kebangsaan Kelas D, Zakri Ibrahim, terpaksa melupakan sementara persediaan silat menghadapi Sukan SEA, Ogos ini kerana menjalani latihan rekrut Polis di Bahau, Negeri Sembilan, lapor **MOHD RAHIME YUSOF**.

Dia melapor diri di Kem Latihan Polis Hutau, Bahau pada 12 Februari lalu dan terpaksa menarik diri daripada latihan pusat silat skuad Sukan SEA di Kota Bharu, minggu lalu.

"Saya tidak akan menarik diri daripada Sukan SEA nanti, sekalipun terbabit dengan latihan rekrut polis. Saya akan berusaha mendapat kebenaran dari Pegawai Memerintah Pusat Latihan bagi membolehkan mengikuti latihan pusat silat peringkat enam, Jun ini," kata Zakri di Bahau, semalam.

Setakat ini, dia tidak dapat pengecualian daripada latihan kerana baru melapor diri.

Pemenang pingat perak Sukan SEA '87 itu berkata, secara kebetulan latihan yang diikuti sekarang secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi ketahanan fizikal dan mental.

"Saya percaya, jika diberi peluang oleh Pegawai Memerintah Pusat Latihan ini, saya berupaya memberi cabaran lebih baik di Sukan SEA nanti.

"Sekalipun latihan ini terlalu ketat, saya masih berpeluang untuk mempraktikkan teknik dan taktik silat di waktu terluang," kata Zakri.

Dia mengakui bahawa minatnya begitu mendalam dalam kerjaya polis, malah pernah mengikuti ko-kurikulum Kadet Polis sekolah dahulu.

Tetapi katanya, matlamat untuk mengibarkan bendera negara di Sukan SEA nanti turut menjadi hasratnya bagi menebus kegagalan meraih pingat emas di Jakarta dua tahun lalu.

"Saya sudah memberitahu Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengenai hal ini agar dikesualikan daripada latihan pusat," katanya.